



GARIS PANDUAN GRADUAN MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-10 POLITEKNIK METRO KUALA LUMPUR

Pendaftaran Graduan untuk Majlis Konvokesyen kali ke-9 akan diadakan pada **12 Ogos 2025 (Selasa)** pada pukul **9.00 pagi** bertempat di **Dewan Kuliah Utama (DKU) Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**, Persiaran Usahawan, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor. Sehubungan itu, dipohon kerjasama para Graduan untuk mengambil tindakan-tindakan berikut. Sila baca dengan teliti panduan dan peraturan yang telah digariskan.

JAWAPAN KEHADIRAN

1.1 Graduan Yang Hadir

Graduan yang bersetuju untuk menghadiri majlis konvokesyen ini perlu mengikut arahan-arahan berikut :

- 1.1.1 Mengisi **Borang Jawapan Kehadiran (AKAN HADIR)**.
- 1.1.2 Mengisi maklumat terkini pada **Borang Alumni**.
- 1.1.3 Membuat pembayaran ke akaun **KOPERASI POLIMETRO KUALA LUMPUR BERHAD - (No. Akaun: 562188304569)** berjumlah **RM300.00** di mana-mana cawangan **MALAYAN BANKING BERHAD (MAYBANK)** dengan menggunakan kaedah **Internet Perbankan/ATM/CDM**. Sila nyatakan **Nama Graduan (Ref 1)** dan **No. Kad Pengenalan Graduan (Ref 2)** di bahagian rujukan bank sebagai **bukti pembayaran internet perbankan** ATAU catatkan **Nama Graduan** dan **No. Kad Pengenalan** di resit bank jika bayaran secara **ATM/CDM**.
- 1.1.4 Memuat naik **BORANG JAWAPAN KEHADIRAN, BORANG ALUMNI SERTA BUKTI PEMBAYARAN RESIT** sebelum/atau selepas-lewatnya pada 05 Ogos 2025 (Selasa) melalui pautan diberikan. <https://forms.gle/r3d2BuV1EXyVtv7x6>

1.2 Graduan Yang Tidak Hadir

Graduan yang tidak menghadiri Majlis Konvokesyen kali ke-10 perlu mengambil tindakan-tindakan berikut:

- 1.2.1 Mengisi **Borang Jawapan Kehadiran (TIDAK HADIR)**
- 1.2.2 Membuat pembayaran ke akaun **KOPERASI POLIMETRO KUALA LUMPUR BERHAD - (No. Akaun : 562188304569)** berjumlah **RM150.00** di mana-mana cawangan **MALAYAN BANKING BERHAD (MAYBANK)** dengan menggunakan kaedah **Internet Perbankan/ATM/CDM**. Sila nyatakan **Nama Graduan (Ref 1)** dan **No. Kad Pengenalan Graduan (Ref 2)** di bahagian rujukan bank sebagai **bukti pembayaran internet perbankan** ATAU catatkan **Nama Graduan** dan **No. Kad Pengenalan** di resit bank jika bayaran secara **ATM/CDM**.
- 1.2.3 Memuat naik **BORANG JAWAPAN KEHADIRAN, BORANG ALUMNI SERTA BUKTI PEMBAYARAN RESIT** sebelum/atau selepas-lewatnya pada 5 Ogos 2025 (Selasa) melalui pautan ini. <https://forms.gle/r3d2BuV1EXyVtv7x6>

1 **RAPTAI DAN ANUGERAH PINGAT KETUA JABATAN (APKJ)**

Perhatian kepada semua Graduan. Sesi Taklimat Raptai Majlis Konvokesyen Politeknik METrO Kuala Lumpur Kali ke-10 dijadualkan akan diadakan pada **10 Ogos 2025 (Ahad) pukul 10.00 pagi** secara atas talian (link: <https://meet.google.com/svv-iryw-msk>)

- 1.1 Anugerah Pingat Ketua Jabatan (APKJ) yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh	Masa	Aktiviti/Perkara	Lokasi
01 Ogos 2025 (Jumaat)	8.30 pagi – 12.00 tengah hari	Anugerah Pingat Ketua Jabatan (APKJ) – Penerima APKJ sahaja	Bilik Tutorial 1-3 PMKL

- 1.2 Bagi penerima APKJ, pelajar **lelaki** hendaklah berkemeja, bertali leher dan memakai sepatu ATAU berbaju Melayu, bersampin dan bersongkok. Pelajar **perempuan** hendaklah berbaju kurung/baju kebangsaan dan memakai kasut bertutup.

2 **IBUBAPA/ TETAMU GRADUAN**

- 2.1 Bilangan tetamu atau ibubapa graduan yang dibenarkan masuk ke dalam Dewan Majlis Konvokesyen adalah **seramai 6 orang sahaja** bagi setiap graduan.
- 2.2 **Kanak-kanak dibawah umur 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke dewan.**
- 2.3 Ibubapa / tetamu jemputan perlu **berpakaian rasmi/kebangsaan dan sopan** semasa berada di Dewan Majlis Konvokesyen. (Pakaian kasual seperti jeans, T-shirt, blouse, selipar tidak dibenarkan).
- 2.4 Ibubapa / tetamu Graduan **Politeknik METrO Kuala Lumpur (PMKL)** perlu berada di dewan Majlis Konvokesyen selewat-lewatnya **pada 9.00 pagi**.
- 2.5 Pintu masuk dewan akan ditutup setengah jam sebelum majlis bermula bagi memastikan kelancaran majlis.
- 2.6 Ibubapa/tetamu graduan perlu menunjukkan **pas masuk** Majlis Konvokesyen kali ke-10 untuk masuk ke dalam dewan.

3 **PERATURAN PAKAIAN GRADUAN**

Peraturan pakaian Graduan Majlis Konvokesyen kali ke-10 adalah seperti berikut:

- 3.1 Mendaftar pada waktu yang telah ditetapkan. Penampilan diri hendaklah kemas dan sopan sebagai graduan (berpakaian rasmi) semasa Majlis Konvokesyen kali ke-9.
- 3.2 Cara berpakaian untuk **graduan lelaki** adalah seperti berikut:
- Memakai pakaian lengkap kebangsaan serba hitam (songkok, seluar, sampin dan kasut/sepatu berwarna hitam/gelap dan berstoking)
ATAU
 - Memakai kemeja lengan panjang berwarna cerah beserta dengan tali leher, seluar panjang berwarna hitam dan **kasut bertutup/sepatu berwarna hitam/gelap dan berstoking**. **(Loafers/Sneakers/'DocMart'/capal adalah dilarang sama sekali).*

DAN

- iii. Rambut hendaklah dalam keadaan kemas dan pendek. Graduan yang berambut panjang/berekor/berwarna-warni/mohawk **TIDAK DIBENARKAN** menyertai majlis konvokesyen.

3.3 Cara berpakaian untuk **graduan perempuan** adalah seperti berikut :

- i. Graduan perempuan, hendaklah memakai pakaian kebangsaan (baju kurung atau kebaya panjang-warna bebas) dan **berkasut bertutup berwarna hitam/gelap dan wajib bertumit 2-3 inci sahaja**. **(Stilettoes/Sandal/Open-toedHeels/Kasut berwarna neon/warna-warni/Kasut tidak bertumit adalah dilarang sama sekali)*. Bagi yang beragama Islam, hendaklah memakai **tudung berwarna hitam/gelap**. Bagi yang **bukan beragama Islam**, sekiranya berambut panjang melebihi paras bahu, sila pastikan **rambut disanggul/diikat dengan kemas dan rapi**.
- ii. Anda **DILARANG** sama sekali memakai seluar panjang, pakaian yang tidak sopan/menjolok mata, jarang, berbelah, ketat, dan mendedahkan aurat serta menjejaskan perjalanan majlis.

4 BARANG-BARANG PERSENDIRIAN

- 4.1 Pihak PMKL tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan barangan peribadi.
- 4.2 Graduan dan tetamu adalah diingatkan supaya **tidak membawa masuk** ke dalam dewan **makanan, minuman atau barangan persendirian yang boleh mengganggu perjalanan Majlis Konvokesyen** seperti beg tangan, kamera, telefon bimbit, sebarang peranti atau alatan elektronik dan sebagainya.
- 4.3 Sila matikan atau tukar kepada **Mod Senyap (Silent Mode)** sekiranya membawa masuk telefon bimbit .

GARIS PANDUAN PENERIMAAN/PEMULANGAN JUBAH KONVOKESYEN

- 1.1 Penerimaan dan pemulangan jubah **MESTI** mematuhi tarikh yang ditetapkan.
- 1.2 Penerimaan jubah oleh GRADUAN **MESTI** disertakan:
 - a. Resit Asal Bayaran Yuran Konvo
 - b. Borang Akuan Penerimaan dan Pemulangan Jubah (**BORANG 1/2025**)
- 1.3 Penerimaan jubah oleh WAKIL GRADUAN **MESTI** disertakan:
 - a. Resit Asal Bayaran Yuran Konvo
 - b. Borang Akuan Penerimaan dan Pemulangan Jubah (**BORANG 1/2025**)
 - c. Borang Kuasa Yang Ditandatangani oleh Graduan yang Mewakikan (**BORANG 2/2025**)
 - d. Salinan Kad Pengenalan Graduan; dan
 - e. Salinan Kad Pengenalan Wakil
- 1.4 Graduan dinasihatkan untuk mengambil set pakaian konvokesyen lebih awal bagi mengelakkan kesesakan dan stok saiz jubah yang agak terhad.
- 1.5 Graduan **DIBENARKAN** mewakilkan individu lain. Setiap wakil yang **BERSTATUS GRADUAN** terhad kepada pengambilan 2 set pakaian konvokesyen termasuk untuk dirinya sendiri. Walau bagaimanapun, wakil yang **BUKAN BERSTATUS GRADUAN** hanya dibenarkan untuk mengambil 1 set pakaian konvokesyen sahaja.

- 1.6 Semua graduan hendaklah memastikan jubah yang diterima berkeadaan baik. Aduan kerosakan jubah selepas menandatangani Borang Akuan Penerimaan dan Pemulangan Jubah **TIDAK** akan dilayan.
- 1.7 Nombor inventori jubah yang diterima **MESTILAH** sama dengan nombor inventori jubah yang dipulangkan. Graduan adalah dinasihatkan agar **TIDAK** bertukar Jubah dan Mortar Board dengan graduan yang lain.
- 1.8 Tarikh penerimaan/pemulangan jubah adalah seperti berikut:

Aktiviti	Tarikh/Masa	Lokasi
Penerimaan	30 Julai – 08 Ogos 2025 (Rabu – Jumaat) 9.00 pagi – 4.00 petang	Perpustakaan, Politeknik METrO Kuala Lumpur
Aktiviti	Tarikh/Masa	Lokasi
Pemulangan	12 Ogos 2025 (Selasa) 1.00 tengah hari – 3.00 petang	Food Court Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
	13 – 22 Ogos 2025 (Rabu – Jumaat) 9.00 pagi – 4.00 petang Nota: a. CAJ KELEWATAN akan dikenakan bermula 25 Ogos 2025 (Isnin) dengan kadar RM30.00 sehari termasuk cuti am. b. Kaunter di Politeknik METrO Kuala Lumpur hanya dibuka pada HARI BEKERJA sahaja daripada jam 9.00 pagi – 4.00 petang. (kaunter ditutup pada waktu rehat pejabat: 1.00 tengah hari -2.00 petang). c. Urusan pada tarikh/waktu selain jadual yang dinyatakan TIDAK AKAN DILAYAN .	Perpustakaan, Politeknik METrO Kuala Lumpur

- 1.9 Graduan **TIDAK DIBENARKAN** meminda/mengubah mana-mana bahagian jubah yang diterima.
- 1.10 Graduan **TIDAK DIBENARKAN** mencuci sendiri Jubah Konvokesyen.
- 1.11 Graduan **TIDAK DIBENARKAN** menyembur pewangi kepada jubah.
- 1.12 Graduan dinasihatkan **menggosoknya pada suhu yang RENDAH**.
- 1.13 Jubah Konvokesyen hendaklah dikembalikan kepada Jawatankuasa Jubah Konvokesyen sebaik sahaja majlis Konvokesyen tamat/mengikut tempoh ditetapkan.
- 1.14 **SURAT PERINGATAN** akan dikeluarkan selepas **25 Ogos 2025**. Caj kelewatan akan dikira bermula daripada **25 Ogos 2025** sehingga jubah konvokesyen dipulangkan.
- 1.15 Kadar caj berikut akan dikenakan kepada graduan bagi kes **KEHILANGAN/KEROSAKAN/Jubah/Mortar Board** dan sijil Diploma **TIDAK** akan dikeluarkan kepada graduan sehingga bayaran tersebut dijelaskan.

Perkara	Kadar Caj (RM)
Kehilangan Jubah	400.00
Kehilangan/kerosakan <i>Mortar Board</i>	200.00
Kerosakan Songket/Pengubahsuaian Jubah Contoh-contoh kerosakan: a. Terkoyak b. Terbakar/ terkena puntung rokok api/ seterika atau; c. Terkena bahan kimia seperti minyak wangi	400.00

PERHATIAN

- Ketiadaan salah satu dari set jubah konvokesyen bermakna pakaian konvokesyen tidak lengkap dan graduan **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dalam dewan.
- Graduan **TIDAK DIBENARKAN** mengubahsuaikan jubah yang diterima.
- Graduan adalah bertanggungjawab **SEPENUHNYA** terhadap jubah yang diterima.

TIP PEMAKAIAN JUBAH KONVO


- Jubah Konvokesyen hendaklah dipakai dengan kemas dan tertib.
- Topi (*Mortar Board*) dipakai dengan membiarkan rumbai (*tassel*) tergantung dihadapan sebelah kiri.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi urusetia
 JEMPUTAN/PENDAFTARAN GRADUAN atau PENASIHAT AKADEMIK atau
 JK PENGURUSAN JUBAH/PEMANDU GRADUAN
 POLITEKNIK METrO KUALA LUMPUR
 di Talian 03-4251 8000 atau 017-309 3462 (Puan Rushidah)

LAMPIRAN 1

PETA LOKASI

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Persiaran Usahawan, 40150 Shah Alam, Selangor



LAMPIRAN 2**Senarai Hotel/Tempat Penginapan Berdekatan Lokasi (< 5 Km) Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**

Bil.	Nama Hotel	No Telefon
1.	Acappella Suite Hotel - Shah Alam	03-5039 8888
2.	Laman Green The Boutique Hotel Seksyen 13 Shah Alam	03-5511 8808
3.	New Wave Hotel Shah Alam	03-5569 1286
4.	The Core Hotel	03-5878 2030
5.	Shah Suites Vista Alam	019-297 1381
6.	Mercure Kuala Lumpur Glenmarie	03-5030 2888
7.	Shah Alam Business Hotel	03-5569 6981
8.	De Palma Hotel Shah Alam	03-5542 8080
9.	OYO 89540 Hotel Taj Inn, Seksyen 13	03-5037 8296
10.	GoodHope Hotel Shah Alam	03-5512 2828
11.	FOX Hotel Glenmarie Shah Alam	03-5035 1728
12.	Seeds Hotel Shah Alam Section 19	017-991 3499
13.	Alami Garden Hotel	03-5518 1223
14.	Glenmarie Hotel & Golf Resort	03-7802 5200
15.	Concorde Hotel Shah Alam	03-5520 8000

